



UDA SERAH SUMBANGAN ZAKAT BERJUMLAH RM220,000 DI ZON UTARA

Pulau Pinang, 31 Januari 2019 – UDA Holdings Berhad (UDA), syarikat hartanah dan pengurusan aset dan fasiliti berdaya saing di Malaysia sekali lagi mengambil usaha murni dengan menjalankan program tanggungjawab sosial korporat. Program diberi nama 'UDA Cares – Enriching Life @ North' itu adalah hasil kerjasama UDA dan anak syarikat UDA Land North Sdn Bhd (ULNSB). Program yang membantu komuniti setempat itu mengagihkan wang zakat kepada golongan memerlukan sekitar projek pembangunan UDA di Zon Utara iaitu Perlis, Kedah & Pulau Pinang. Sumbangan berjumlah RM220,000 diserahkan kepada 28 institusi yang layak sekitar Zon Utara.

Penyerahan cek sumbangan keseluruhan berjumlah RM70,000 disampaikan oleh Tuan Haji Noor Azmi Mohd Salleh Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Hartanah UDA dan disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' IR Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang. Institusi yang menerima sumbangan pada penyerahan kali ini adalah Sekolah Rendah Agama Rakyat Al Arifi (RM15,000), Surau Sekolah Menengah Kebangsaan Pokok Sena (RM15,000), Surau Kampung Permatang Tinggi Bakar Bata – Bumbung Lima (RM12,000), Surau Permatang Tinggi B – Paya Keladi (RM12,000), Surau Kampung Lembah Raja – Pinang Tunggal (RM6,000) dan Surau Nuruliman – Kampung Ekor Kuching (RM10,000).

Untuk makluman, selain daripada serahan hari ini, UDA dan ULNSB telah mula mengagihkan sumbangan zakat sejak 2 hari lepas. Antara institusi yang telah menerima sumbangan adalah Pusat Pemulihan dalam Komuniti Teluk Chengai, Pertubuhan

Kebajikan Anak Yatim Perlis, Surau Sekolah Menengah Pokok Sena Kepala Batas, Surau Permatang Tinggi B Paya Keladi, Surau Kampung Permatang Tinggi Bakar Bata Bumbung Lima, Masjid Jamek Sembilang, Maahad Tahfiz Sirajul Quran, dan Masjid Timah.

Menurut Datuk Ahmad Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif UDA Holdings Berhad, "Sumbangan zakat ini adalah salah satu inisiatif UDA menghulurkan bantuan kepada golongan memerlukan selain meyantuni komuniti setempat di sekitar kawasan pembangunan UDA".

Tambah Datuk Ahmad Abu Bakar lagi, "Program CSR 'UDA Cares – Enriching Life' seumpama ini adalah acara tahunan bagi UDA. Seiring dengan mengejar matlamat dan sasaran syarikat, UDA turut fokus membantu golongan memerlukan bagi memberi keseimbangan dan keharmonian dalam perniagaan.

Selain daripada Zon Utara, "Program UDA Cares – Enriching Life" telah diadakan di Johor dan Lembah Klang, baru-baru ini. UDA berhasrat untuk menyampaikan juga sumbangan ke kawasan pantai timur sebelum akhir suku pertama 2019. Sehingga kini, UDA telah membayar sekitar RM4 juta zakat dan sebanyak RM1.5 juta telah dikembalikan semula untuk pihak UDA salurkan peruntukan wang zakat tersebut kepada penerima yang layak di kawasan pembangunan UDA seluruh Malaysia.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset dan fasiliti yang berdaya saing dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Radziah Fadzil | radziah@udanet.com | +6017337 7630
- Mohammad Hazrell | hazreel@udanet.com | +6012 339 8577

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad, Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855